**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

PDP 477 - Kaedah Mengajar Sejarah

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Di antara hasrat Falsafah Pendidikan Negara ialah "melahirkan insan yang baik dan sempurna ... Insan ini juga akan menjadi warganegara Malaysia yang ... berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berakhlak mulia ..."

   Bagaimanakah kurikulum Sejarah KBSM dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara seperti yang dibutirkan di atas?

   [25 markah]

2. Untuk menjadi pendidik Sejarah yang berstatus profesional, kita bukan sahaja perlu mengetahui "Bagaimana?", tetapi juga "Apa?" dan "Mengapa?".

   Jelaskan maksud pernyataan di atas.

   [25 markah]

3. Dengan memberi contoh-contoh yang jelas, huraikan kekuatan dan kelemahan filem/video cereka sejarah sebagai media pendidikan Sejarah.

   [25 markah]

4. Mengapakah kaedah inkuiri penting di dalam pendidikan Sejarah?

   Dengan menggunakan satu tema sejarah yang spesifik, huraikan pelaksanaan kaedah tersebut sebagaimana yang dicadangkan oleh Beyer (1971) ataupun Edwin Fenton (1967).

   [25 markah]

5. Didapati bahawa beberapa kaedah pengajaran boleh digabungjalinkan dan dilaksanakan bagi mata pelajaran Sejarah. Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai dari sukatan pelajaran Sejarah Malaysia, bincangkan satu rancangan pelajaran yang menggunakan sekurang-kurangnya tiga kaedah.

   [25 markah]

6. "Buku teks adalah penting dalam pengajaran-pembelajaran Sejarah".

Bagaimanakah (a) guru dan (b) pelajar-pelajar dapat menggunakan buku teks Sejarah dengan berkesan?

[25 markah]

--- oooo000oooo ---